

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
(SEPANGGAR)**

TARIKH 15.03.2015 (SELASA)

NO. SOALAN 23

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah kementerian berhasrat untuk membekalkan air bersih kepada kawasan-kawasan di DUN Inanam yang begitu banyak lagi tidak mempunyai bekalan air paip di mana perancangan ini juga tidak ada dalam RMK 11.

**JAWAP
AN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan Kementerian ini, pihak Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), sedang mengenalpasti kawasan-kawasan di DUN Inanam yang masih belum mempunyai bekalan air bersih serta kaedah yang bersesuaian untuk membekalkan air bersih kepada penduduk di kawasan yang terlibat.

Pelaksanaan projek di DUN Inanam ini akan diselaraskan dengan senarai pelaksanaan projek yang dicadangkan untuk pelaksanaan dalam ***Rolling Plan 1 (RP1)*** Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walaubagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat dan tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan peruntukan yang diluluskan Kerajaan.